

# PROSEDUR KERJA ELEKTRIK

## (ELECTRICAL WORK)

---

### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan umum kepada pengurusan Universiti di peringkat induk atau Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi panduan kerja selamat bagi Kerja Elektrik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### 2.0 SKOP

Garis panduan ini digunapakai bagi melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan kendalian dan senggaraan pemasangan elektrik untuk kerja elektrik berisiko tinggi dan kerja elektrik berisiko rendah yang tidak rutin (*non-routine activity*) dalam premis universiti.

### 3.0 RUJUKAN

- 3.1 Panduan Prosedur Kerja Selamat Bagi Kerja-Kerja Elektrik – ST
- 3.2 Akta Bekalan Elektrik 1990
- 3.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

### 4.0 DEFINISI / SINGKATAN

JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
PTW	<i>Permit to Work</i> . Kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat OSHE kepada kontraktor.
Kerja elektrik risiko tinggi	Kerja-kerja yang melibatkan senggaraan atau selenggaraan Pemasangan Elektrik, Pengujian dan Penentukuran Pemasangan, Kerja-kerja Kabel Bawah Tanah, Talian Atas dan Pensuisan Voltan Rendah / Voltan Tinggi, pendawaian semula atau penambahan pendawaian.
Kerja elektrik risiko rendah	Selain dari risiko elektrik berisiko tinggi.
PTj	Pusat Tanggungjawab.

ST	Suruhanjaya Tenaga.
CP	<i>Competent Person</i> . Orang Kompeten seperti Penyelia Elektrik, Penjaga Jentera ( <i>Chargeman</i> ), Pendawai (tiga fasa) dan Pencantum Kabel.
SOP kerja elektrik	<i>Safety Operating Procedures</i> . Prosedur Kerja Selamat yang disediakan bagi memastikan keselamatan semasa Kerja Elektrik dilakukan.
PPE	<i>Personal Protective Equipment</i> . Peralatan Perlindungan Diri yang dipakai bagi mengelakkan kecederaan semasa melakukan kerja elektrik
PE	Pencawang Elektrik

## 5.0 PERATURAN UMUM KERJA ELEKTRIK

- 5.1 Semua kerja elektrik hendaklah dilakukan berpandukan SOP Kerja Elektrik yang telah ditetapkan oleh ST.
- 5.2 Semua kerja elektrik hendaklah menggunakan perkakasan yang diluluskan oleh pihak ST.

## 6.0 SEBELUM MELAKUKAN KERJA ELEKTRIK RISIKO TINGGI

- 6.1 Kerja elektrik berisiko tinggi hendaklah mendapatkan kelulusan PTW daripada Pejabat OSHE.
- 6.2 Setiap pekerja yang terlibat dalam kerja elektrik berisiko tinggi mestilah tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan yang boleh memberikan risiko semasa kerja dijalankan dan disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.
- 6.3 Setiap pekerja yang terlibat di dalam kerja elektrik hendaklah menerima taklimat keselamatan dari Pejabat OSHE.
- 6.4 Setiap pekerja hendaklah memastikan barangan pengalir arus elektrik seperti cincin, tali pinggang berkepala logam, jam tangan dan sebagainya tidak dipakai semasa melakukan kerja elektrik.
- 6.5 Setiap pekerja yang melakukan kerja elektrik yang melibatkan kerja pemasangan, baik pulih dan penyelenggaraan hendaklah terdiri daripada CP.
- 6.6 Gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh Kerja Elektrik hendaklah dimaklumkan dalam tempoh 72 jam sebelum kerja elektrik dijalankan (Notis/Memo).

- 6.7 Pemberitahuan semula gangguan bekalan elektrik hendaklah diberikan kepada pengguna yang terlibat sejurus sebelum Kerja Elektrik dimulakan.
- 6.8 Persediaan awal bagi kerja elektrik risiko tinggi seperti penyediaan Skematik Diagram Litar Elektrik, penyediaan papan tanda amaran “DILARANG MENGGANGGU” dan “DO NOT DISTURB” di pintu masuk kawasan kerja elektrik, penyediaan alat pemadam api yang bersesuaian dan peti pertolongan cemas yang dikhaskan hendaklah dilakukan sebelum dimulakan kerja elektrik.

## **7.0 SEMASA MELAKUKAN KERJA ELEKTRIK RISIKO TINGGI**

- 7.1 Semua bahagian peralatan elektrik hendaklah mempunyai wayar bumi atau berpenambat.
- 7.2 Semua wayar mudah lentur, palam, soket dan penyambungan hendaklah dalam keadaan baik kualitinya dan memenuhi piawaian.
- 7.3 Semua peralatan elektrik hendaklah dilindungi dari kesan persekitaran dan bahaya-bahaya lain seperti cuaca, basah, haba, kekotoran, dan sebagainya.
- 7.4 Pengunci hendaklah sentiasa digunakan pada bekalan kuasa peralatan untuk mengelakkan pegaliran tenaga secara tidak sengaja dan dilengkapi dengan tanda amaran serta identiti orang yang memasangnya (LOCKOUT/ TAGOUT).
- 7.5 Sebarang kerosakan yang dijumpai pada peralatan hendaklah diselenggara pada kadar segera.
- 7.6 Litar elektrik hendaklah sentiasa dipastikan berada dalam kapasiti beban yang ditetapkan sepanjang kerja elektrik dilaksanakan.
- 7.7 Setiap pekerja hendaklah menggunakan PPE yang bersesuaian sepanjang melakukan kerja elektrik.
- 7.8 Kerja elektrik hendaklah diberhentikan sekiranya berlaku sebarang kemalangan dan hendaklah dimaklumkan kepada Pejabat OSHE dalam tempoh 24 jam.

## **8.0 SELEPAS MELAKUKAN KERJA ELEKTRIK RISIKO TINGGI**

- 8.1 Kawasan Kerja Elektrik hendaklah dikemas dan dibersihkan dengan baik.
- 8.2 Semua Kerja Elektrik hendaklah direkodkan di dalam Buku Log yang disediakan.
- 8.3 Pembatalan PTW bagi setiap Kerja Elektrik hendaklah dilakukan oleh Pejabat OSHE selepas Kerja Elektrik selesai dilaksanakan.